

## **The Hong Leong Group Privacy Notice (“Privacy Notice”)**

1. Malaysian legislation controls the collection, use and storage of personal information ("data"). This Privacy Notice is being provided to existing and prospective individuals (including employees and staff of Hong Leong Group) and entities ("Relevant Persons") dealing with Hong Leong Company (Malaysia) Berhad and its subsidiaries ("Hong Leong Group " and each member of the Group "HL"), from whom data have been and/or may in the future be collected.
2. Relevant Persons have in the past and may or will in the future be required to provide data to HL in connection with and/or in the course of their dealings with HL. Data on the Relevant Persons may also be acquired by HL from publicly available sources and from within the Hong Leong Group. HL may also obtain data of the Relevant Persons from third parties which have dealings, connections and/ or engagements with the Relevant Persons, and from such other sources whereby the Relevant Persons have given consent to the disclosure of data relating to them to the extent permitted by law.
3. The data that may be collected from Relevant Persons include (but is not limited to) his/her name, NRIC number/passport number (for foreigners), address, e-mail address, telephone number, employer's details, his/her credit card information and bank account details, financial position, family members and personal information about them, the amount of data that has been received and/or sent by him/her, the manner in which the Relevant Persons have used any of HL's products and/or services, CCTV recordings when the Relevant Persons visit any outlet or branch of HL and recording of calls placed by Relevant Persons to HL (and in respect of job applicants, includes qualifications, employment history, knowledge, experience and expertise).
4. HL may use cookies (of which there is no obligation on the Relevant Person to accept), web beacons, and/or other similar technologies for storing data when the Relevant Person uses the services or accesses HL's website/platform in order to enhance the services provided via online platform. When the Relevant Person visits HL's website/platform through a computer, mobile device, or any other device with internet connectivity, HL's company servers will automatically record data that the Relevant Person's browser sends whenever he/ she visits a website. This data may include the Relevant Person's computer/device's IP address, browser type, the webpage he/she was visiting before accessing HL's website/platform, and the time spent on those pages, items and data searched for on the website/platform, access times and dates, and other statistics. This data is collected for analysis and evaluation to help HL improve its website and the services and products it provides.
5. Relevant Persons are obliged to provide data that are identified as mandatory. In respect of data identified as optional, the provision of such data by Relevant Persons is voluntary. If a Relevant Person does not supply such data identified as mandatory, this may result in HL being unable to provide services or otherwise deal with that Relevant Person.

6. If the Relevant Person provides data of any third party to HL, the Relevant Person represents and warrants that he/she has obtained the necessary consent from that third party to share and transfer his/her personal data to HL, and for HL to collect, use and disclose that data in accordance with this Privacy Notice.
7. A Relevant Person's data may be used or processed by HL or on its behalf for the following purposes:-
- (a) carrying out its instructions, providing products and/or services (whether by a member of Hong Leong Group or a selected third party), evaluating and assessing suitability for employment (where relevant) and responding to enquiries by that Relevant Person or made on its behalf;
  - (b) researching, designing, launching, promoting and marketing financial and other facilities, services and products of the Hong Leong Group and third parties (including but not limited to the exchange of non-financial information with selected business partners and developing marketing lists for exchange with selected business partners) and monitoring the provision, operation and use of such services or products;
  - (c) provision of reference (status enquiries);
  - (d) carrying out credit and other status checks and debt collection and assisting other institutions to do so;
  - (e) assessing ongoing credit-worthiness of Relevant Persons;
  - (f) operating internal controls including determining amounts owed to or by Relevant Persons, payment to or collection of such amounts from Relevant Persons and any persons providing security for Relevant Persons' obligations and enforcing any charge or other security granted by or for Relevant Persons;
  - (g) for audit, compliance and risk management purposes;
  - (h) the enforcement of Relevant Persons' obligations, including without limitation the collection of amounts outstanding from Relevant Persons and those providing security for Relevant Persons' obligations;
  - (i) assessing and analysing any insurance claim and assisting other insurance companies to conduct claims checks;
  - (j) forwarding publicity materials or other information to Relevant Persons from a member of the Hong Leong Group and charitable organizations from time to time;
  - (k) meeting any legal, governmental or regulatory requirements in Malaysia or any other applicable jurisdiction, including disclosure, notification or record retention requirements;

- (l) assisting any person who is acquiring or participating in any contractual arrangements between HL and the Relevant Person to evaluate the transaction for such acquisition or participation;
- (m) to enable a party to evaluate any actual or proposed assignment, participation, sub-participation and/or novation of HL's rights and/or obligations;
- (n) for any actual or proposed merger, sale or transfer of any part of Hong Leong Group's interests, assets, obligations, business and/or operations;
- (o) for the purposes of preventing, investigating, reporting or otherwise in relation to actual or suspected money laundering, terrorist financing, bribery, corruption, actual or suspected fraud including but not limited to fraud, tax evasion, evasion of economic or trade sanctions, and criminal activities generally or other unlawful activities;
- (p) for products/services enhancement and improvement, as well as training;
- (q) to allow HL or HL's related and/or affiliated companies, service providers and business partners to promote their products and services;
- (r) to administer HL's events, competitions and promotions;
- (s) for the purpose of data processing and analytics, including but not limited to data mining and analysis of the Relevant Person's transactions with HL;

and any other incidental and associated purposes relating to any of the above.

8. Data held relating to a Relevant Person will be kept confidential but it may be provided to: -

- (a) any person under a duty of confidentiality to HL or to a member of the Hong Leong Group;
- (b) any company or division within the Hong Leong Group (whether such company or division operates in Malaysia or elsewhere);
- (c) any relevant agent, contractor or third party service provider who provides administrative, telecommunications, data processing and storage, computer, payment, securities clearing, management, audit, insurance, professional or other services to the Hong Leong Group;
- (d) any banking, financial or other institution with which the Relevant Person has or proposes to have dealings;
- (e) any credit reference agency and in default debt collection agencies or similar provider of debt collection or credit information services to the Hong Leong Group;
- (f) lawyers, auditors, tax advisors, investment banks, and other professional advisors;

- (g) any insurance company and any association or federation of insurance companies (whether or not based in Malaysia);
- (h) any person or corporation to whom a member of the Hong Leong Group transfers or proposes to transfer its interests and/or obligations in respect of that Relevant Person or any product or service provided to that Relevant Person;
- (i) any person or corporation to whom Hong Leong Group merges, sells, or transfers or proposes to merge, sell or transfer any part of its interests, assets, obligations, business and/or operations;
- (j) the general public when the Relevant Person becomes a winner in a contest, is a participant in any HL events, conferences, talks and seminars, by publishing the Relevant Person's name, photographs and other personal data without compensation for advertising and publicity purposes;
- (k) any nominee, trustee, co-trustee, centralised securities depository or registrar, custodian, insurance company, estate agent, solicitor or other person who is involved with the provision of services or products by a member of the Hong Leong Group to that Relevant Person; or
- (l) any person by whom a member of the Hong Leong Group is required by applicable legal, governmental or regulatory requirements to make disclosure;

or to any other person reasonably requiring the same in order for HL to carry out the purposes permitted in paragraph 7 above.

9. HL may disclose data to any or all of the parties stated above and may do so notwithstanding the recipient's place of business is outside Malaysia, or that such information following disclosure will be collected, held, processed or used by such recipient in whole or in part outside Malaysia.
10. A Relevant Person is entitled to ask whether HL holds data on them and to request access to and the correction of any such data held. A reasonable fee will be charged for processing each data access request.
11. Requests for access to or correction of data held by HL, should be addressed to the Data Protection Officer of the respective member of Hong Leong Group by contacting the general line.
12. If Relevant Persons do not want to receive any marketing or follow up regarding products and special promotions from the Hong Leong Group, please notify the Data Protection Officer in writing. No fee will be charged.
13. To help HL to provide a better service to you, please ensure that your personal data such as contact details including your home and office addresses, your telephone numbers (including your mobile telephone number), e-mail address, and other details registered with us are up to date.

14. The provisions of this Privacy Notice will also apply to HL's websites and does not apply to any third party websites the Relevant Person may access from HL's websites. To determine how they deal with the Relevant Person's data, the Relevant Person should ensure that he/she reads their respective privacy notices.

15. The provisions of this Privacy Notice will form part of the account terms and conditions and/or the agreement or arrangements that you have or may enter into with HL. If any inconsistency is found, the provision of this Privacy Notice shall prevail.

**Changes to this Privacy Notice**

Changes may from time to time be made to this Privacy Notice. We will post notice of material changes on the Group's website. Please re-visit this Privacy Notice from time to time to learn of any such changes.

April 2021

## **Notis Privasi Hong Leong Group/Kumpulan Hong Leong (“Notis Privasi”)**

1. Undang-undang Malaysia mengawal pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi ("data"). Notis Privasi ini disediakan untuk individu (termasuk pekerja dan kakitangan Kumpulan Hong Leong) dan entiti ("Orang Relevan") yang sedang atau bakal berurusan dengan Hong Leong Company (Malaysia) Berhad dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan Hong Leong" dan setiap ahli Kumpulan dikenali sebagai "HL") yang daripadanya data telah dikumpul dan/atau akan dikumpul di masa hadapan.
2. Orang Relevan telahpun pada masa lalu, dan mungkin atau akan pada masa depan, memberikan data kepada HL yang berkaitan dengan dan/atau dalam urusan mereka dengan HL. Data Orang Relevan boleh diperolehi oleh HL daripada sumber-sumber yang boleh didapati secara umum dan juga daripada Kumpulan Hong Leong. HL juga mungkin memperoleh data mengenai Orang Relevan daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan, hubungan dan / atau penglibatan dengan Orang Relevan dan daripada sumber-sumber lain yang mana Orang Relevan telah memberikan kebenaran untuk mendedahkan data berkaitan dengan mereka setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
3. Data yang boleh dikumpul daripada Orang Relevan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) maklumat nama, nombor kad pengenalan/nombor pasport (untuk warganegara asing), alamat, alamat e-mel, nombor telefon, butiran majikan, maklumat kad kredit dan butir-butir akaun banknya, kedudukan kewangan, ahli-ahli keluarga dan maklumat peribadi tentang mereka, jumlah data yang telah diterima dan/atau dihantar olehnya, cara Orang Relevan telah menggunakan sebarang produk dan/atau perkhidmatan HL, rakaman CCTV apabila Orang Relevan melawat mana-mana outlet atau cawangan HL dan rakaman panggilan yang dibuat oleh Orang Relevan kepada HL (dan berhubungan dengan pemohon pekerjaan, termasuk kelayakan, sejarah pekerjaan, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran).
4. HL mungkin menggunakan 'cookies' (di mana Orang Relevan tidak ada kewajipan untuk menerimanya), 'web beacons', dan/atau teknologi lain yang serupa untuk menyimpan data apabila Orang Relevan menggunakan perkhidmatan atau mengakses laman web/platform HL bagi tujuan mempertingkatkan perkhidmatan yang disediakan melalui platform dalam talian. Apabila Orang Relevan melawat laman web/platform HL melalui komputer, peranti mudah alih, atau sebarang peranti lain dengan sambungan internet, pelayan syarikat HL akan secara automatik merekodkan data yang dihantar oleh pelayar Orang Relevan apabila Orang Relevan melawat laman web. Data ini mungkin merangkumi alamat IP komputer/peranti Orang Relevan; jenis pelayar; halaman web yang dilawati oleh Orang Relevan sebelum dia mengakses laman web/platform HL; dan masa yang dihabiskan di halaman tersebut, benda dan data yang dicari di laman web/platform, masa dan tarikh akses, dan statistik lain. Data ini dikumpul bagi tujuan analisis dan penilaian untuk membantu HL mempertingkatkan laman webnya dan perkhidmatan dan produk yang disediakannya.

5. Orang Relevan diwajibkan untuk membekalkan data yang dikenal pasti sebagai mandatori (wajib). Bagi data yang berunsur pilihan, pembekalan data sedemikian oleh Orang Relevan adalah secara sukarela. Sekiranya Orang Relevan tidak membekalkan data yang dikenal pasti sebagai mandatori (wajib), ini boleh mengakibatkan HL tidak dapat memberikan perkhidmatan atau tidak dapat berurusan dengan Orang Relevan yang berkenaan.
6. Jika Orang Relevan memberikan data mana-mana pihak ketiga kepada HL, Orang Relevan membuat representasi dan menjamin bahawa dia telah mendapatkan kebenaran yang perlu daripada pihak ketiga tersebut untuk berkongsi dan memindahkan data peribadinya kepada HL, dan untuk HL mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data tersebut selaras dengan Notis Privasi ini.
7. Data Orang Relevan boleh digunakan atau diproseskan oleh atau bagi pihak HL bagi tujuan-tujuan yang berikut: -
  - (a) melaksanakan arahannya, membekalkan produk dan/atau perkhidmatan (sama ada oleh seorang anggota Kumpulan Hong Leong atau pihak ketiga yang dipilih), menilai dan menaksir kesesuaian untuk pekerjaan (di mana relevan) dan memberi respons kepada pertanyaan oleh Orang Relevan atau pertanyaan yang dibuat bagi pihaknya;
  - (b) mengkaji, merekabentuk, melancar, mempromosi dan memasarkan kemudahan kewangan dan lain-lain kemudahan, perkhidmatan dan produk Kumpulan Hong Leong dan pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada pertukaran maklumat bukan kewangan dengan rakan kongsi perniagaan terpilih dan menghasilkan senarai pemasaran untuk pertukaran dengan rakan kongsi perniagaan terpilih) dan memantau penyediaan, pengendalian dan penggunaan produk atau perkhidmatan tersebut;
  - (c) peruntukan rujukan (pertanyaan status);
  - (d) menjalankan penyemakan kredit dan penyemakan status yang lain serta pengutipan hutang dan membantu institusi yang lain untuk berbuat demikian;
  - (e) membuat penilaian kelayakan kredit yang berterusan terhadap Orang Relevan;
  - (f) mengendalikan kawalan dalaman termasuk menentukan amaun terhutang kepada atau oleh Orang Relevan, pembayaran kepada atau pengutipan amaun tersebut daripada Orang Relevan dan daripada mana-mana orang yang menyediakan cagaran untuk obligasi Orang Relevan dan menguatkuasakan apa-apa caj atau cagaran lain yang diberikan oleh atau diberikan untuk Orang Relevan;
  - (g) untuk tujuan audit, pematuhan (compliance), dan pengurusan risiko;
  - (h) menguatkuasakan obligasi Orang Relevan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengutipan amaun tertunggak daripada Orang Relevan dan mereka yang memberi cagaran untuk obligasi Orang Relevan;

- (i) menilai dan menganalisis apa-apa tuntutan insurans dan membantu syarikat-syarikat insurans yang lain untuk melakukan penyemakan tuntutan;
- (j) memanjangkan bahan publisiti atau maklumat lain kepada Orang Relevan daripada ahli Kumpulan Hong Leong dan pertubuhan amal dari semasa ke semasa;
- (k) memenuhi apa-apa syarat undang-undang, kerajaan atau regulatori di Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain yang berkenaan, termasuk syarat-syarat penzahiran ataupun syarat-syarat pemberitahuan notis;
- (l) membantu mana-mana orang yang memperoleh atau menyertai dalam mana-mana perjanjian kontrak di antara HL dan Orang Relevan untuk menilai transaksi bagi pemerolehan atau penyertaan tersebut;
- (m) untuk membolehkan mana-mana pihak menilai apa-apa penyerahan penyertaan, sub-penyertaan, dan novasi, sebenar atau yang dicadangkan mengenai hak dan / atau kewajipan HL;
- (n) untuk sebarang penggabungan, penjualan, atau pemindahan mana-mana bahagian kepentingan, aset, kewajipan, perniagaan dan / atau operasi Kumpulan Hong Leong;
- (o) untuk tujuan pencegahan, penyiasatan, pelaporan atau yang lain berkaitan dengan pengubahan wang haram yang sebenarnya atau disyaki, pembiayaan pengganas, sogokan, rasuah, penipuan sebenar atau disyaki termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengelakan cukai, pengelakan sekatan ekonomi atau perdagangan, dan jenayah aktiviti secara amnya atau aktiviti haram yang lain;
- (p) bagi tujuan peningkatan dan pembaikan produk/perkhidmatan, serta latihan;
- (q) untuk membenarkan syarikat, penyedia perkhidmatan dan rakan niaga dan / atau syarikat-syarikat berhubung (related) dan/atau bergabung (affiliated) dengan HL untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka;
- (r) untuk menguruskan acara-acara, pertandingan dan promosi-promosi HL;
- (s) untuk tujuan pemprosesan data dan analitik, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengutipan dan pengekstrakan data dan analisis transaksi Orang Relevan dengan HL;

dan apa-apa tujuan lain yang bersampingan dan tujuan-tujuan berkaitan yang berhubungan dengan mana-mana di atas.

8. Data yang dipegang yang berkaitan kepada Orang Relevan akan dirahsiakan tetapi ia boleh diberikan kepada: -

- (a) mana-mana orang yang di bawah kewajipan kerahsiaan kepada HL atau ahli Kumpulan Hong Leong;



- (b) mana-mana syarikat atau divisi dalam Kumpulan Hong Leong (sama ada syarikat atau divisi tersebut beroperasi di Malaysia atau di tempat lain);
- (c) mana-mana ejen yang berkaitan, kontraktor atau pihak pembekal ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, pemprosesan dan penyimpanan data, komputer, pembayaran, penjelasan sekuriti, pengurusan, audit, insurans, profesional atau perkhidmatan lain kepada Kumpulan Hong Leong;
- (d) mana-mana institusi perbankan, kewangan atau lain-lain institusi di mana Orang Relevan mempunyai atau bercadang untuk mempunyai urusan;
- (e) mana-mana agensi rujukan kredit dan agensi kutipan hutang atau pembekal yang serupa untuk perkhidmatan kutipan hutang atau perkhidmatan maklumat kredit kepada Kumpulan Hong Leong;
- (f) peguam, juruaudit, penasihat cukai, bank pelaburan, dan lain-lain penasihat profesional;
- (g) mana-mana syarikat insurans dan mana-mana persatuan atau federasi syarikat-syarikat insurans (sama ada berasaskan di Malaysia atau tidak);
- (h) mana-mana orang atau perbadanan di mana ahli Kumpulan Hong Leong memindahkan atau bercadang untuk memindahkan kepentingannya dan/atau obligasinya berkenaan dengan Orang Relevan tersebut atau sebarang produk atau perkhidmatan yang diberikan kepada Orang Relevan tersebut;
- (i) mana-mana orang atau syarikat yang dengannya Kumpulan Hong Leong bergabung, menjual, atau memindahkan atau bercadang untuk menggabung, menjual atau memindahkan mana-mana bahagian kepentingan, aset, tanggungjawab, perniagaan dan / atau operasi;
- (j) orang awam apabila Orang Relevan menjadi pemenang dalam pertandingan, adalah peserta dalam sebarang acara, persidangan, ceramah dan seminar HL, dengan menerbitkan nama, gambar, dan data peribadi Orang Relevan tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti;
- (k) mana-mana penama, pemegang amanah, pemegang amanah bersama, depository sekuriti berpusat atau pendaftar, kustodian, syarikat insurans, ejen hartanah, peguam atau orang lain yang terlibat dengan penyediaan perkhidmatan atau produk oleh ahli Kumpulan Hong Leong kepada Orang Relevan tersebut; atau
- (l) mana-mana orang di mana ahli Kumpulan Hong Leong dikehendaki mengikut syarat-syarat undang-undang, kerajaan atau regulatori yang berkenaan untuk membuat penzahiran;

atau kepada mana-mana orang lain yang secara munasabah memerlukan data supaya HL boleh menjalankan tujuan-tujuan yang dibenarkan dalam perenggan 7 di atas.

9. HL boleh menzahirkan data kepada mana-mana atau semua-pihak yang dinyatakan di atas dan boleh berbuat demikian walaupun tempat perniagaan penerima adalah di luar Malaysia, atau data tersebut berikutan dengan penzahiran akan dikumpulkan, dipegang, diproses atau digunakan oleh penerima tersebut secara keseluruhan atau sebahagiannya di luar Malaysia.
10. Orang Relevan berhak untuk bertanya sama ada HL memegang data mereka dan untuk meminta akses dan membuat pembedaan pada mana-mana data tersebut. Bayaran yang berpatutan akan dikenakan untuk memproses setiap permintaan mengakses data.
11. Permintaan untuk akses atau pembedaan data yang dipegang oleh HL, haruslah dialamatkan kepada Pegawai Perlindungan Data untuk ahli Kumpulan Hong Leong masing-masing dengan menelefon talian am.
12. Jika Orang Relevan tidak mahu menerima apa-apa pemasaran atau susulan mengenai produk dan promosi khas daripada Kumpulan Hong Leong, sila maklumkan kepada Pegawai Perlindungan Data secara bertulis. Tiada bayaran akan dikenakan.
13. Untuk membantu HL menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, sila pastikan bahawa data peribadi anda seperti butir-butir hubungan termasuk alamat rumah dan alamat pejabat anda, nombor telefon anda (termasuk nombor telefon mudah alih anda), alamat e-mel dan butir-butir lain yang berdaftar dengan kami adalah butiran yang terkini.
14. Peruntukan Notis Privasi ini juga akan terpakai untuk laman-laman web HL dan tidak akan terpakai untuk mana-mana laman web pihak ketiga yang mungkin diakses oleh Orang Relevan dari laman web HL. Untuk menentukan bagaimana mereka menangani data Orang Relevan, Orang Relevan hendaklah memastikan bahawa dia membaca notis privasi mereka masing-masing.
15. Peruntukan Notis Privasi ini akan membentuk sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat akaun dan/atau perjanjian atau aturan yang dimasuki atau yang akan dimasuki oleh anda dengan HL. Jika adanya apa-apa ketidakselarasan yang ditemui, peruntukan Notis Privasi ini akan diguna pakai.

### **Perubahan Kepada Notis Privasi ini**

Perubahan kepada Notis Privasi ini boleh dibuat dari semasa ke semasa. Notis tentang perubahan material akan disiarkan melalui laman web Kumpulan. Sila melawat semula Notis Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mengetahui sebarang perubahan sedemikian.

**April 2021**